

01/09/1999

Sidang video PM dengan Menteri Kabinet

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan sidang video bersama-sama Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri sempena pelancaran sambutan Se Abad Malaysia Ke Alaf Baru, di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, sidang video terbabit bertujuan memberi peluang kepada Perdana Menteri menyampaikan amanatnya kepada rakyat di seluruh negara.

"Sidang video tajaan Telekom Malaysia Bhd ini akan dijalankan secara berselang seli dengan persembahan hiburan agar semua yang menonton dapat mengikuti perkembangan acara yang dijalankan dari setiap negeri," katanya di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, majlis itu dilancarkan di setiap negeri pada masa yang sama dan akan disiarkan secara lintas langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menurutnya, usaha tersebut adalah simbolik kepada rakyat Malaysia bahawa mereka tetap bersatu walau di mana sahaja mereka berada.

(END)